

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | 10 peserta perdengar bacaan |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian               |             |                     |
| Date       | 15 May 2014                 | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                    | Circulation | 314,000             |
| Page No    | 12                          | Readership  | 942,000             |
| Language   | Malay                       | ArticleSize | 326 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Syazwan Msar                | AdValue     | RM 11,238           |
| Frequency  | Daily                       | PR Value    | RM 33,713           |



MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-57

# 10 peserta perdengar bacaan

» *Qari dari Perlis,  
Mohd Mawardi  
diundi sebagai  
peserta pertama*

Oleh Syazwan Msar  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-57 membuka tirainya dengan 10 peserta memperdengarkan bacaan masing-masing di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di sini, malam tadi.

Qari dari Perlis, Mohd Mawardi Jamaludin diundi sebagai peserta pertama dengan bacaan ayat 110 surah Hud manakala peserta dari Kedah, Nor Afifah Abd Rahman pula sebagai qariah pertama memperdengarkan bacaan menerusi ayat 77 surah an-Nahl.

Qari dari Kelantan, Abdullah Fahmi Che Nor@Shukri pula sebagai peserta kedua memperdagarkan bacaan menerusi ayat ketiga surah An-Nahl diikuti qariah Kelantan, Munirah Kasim yang membaca ayat 127 surah al-An'am.

Peserta tuan rumah, Ahmad Naeim Mohd@Mat Isa dipilih sebagai qari ketiga dengan memperdengarkan bacaan ayat 85 surah al-Isra' diikuti qariah dari Wilayah Persekutuan, Normalina Alias menerusi ayat 24 surah Hud.

## Johan qari tahun lalu

Johan qari tahun lalu, Anuar Hasan dari Perak turut memperde-

ngarkan bacaan malam tadi menerusi ayat 100 surah at-Taubah dan diikuti pula qariah dari Perlis, Sarina Che Yahaya, dengan bacaan ayat 56 surah an-Nisa.

Selain itu, turut memperdagarkan bacaan pada hari pertama adalah dari Negeri Sembilan, Amjrahman Abas menerusi ayat 56 surah al-Ankabut, manakala Hidayah Abd Rahman dari Terengganu adalah peserta terakhir dengan membaca ayat 36 surah an-Nahl.

## 30 peserta ambil bahagian

Majlis tilawah tahun ini yang bertemakan 'Wassatiyah Tonggak Kesatuan Ummah' menyaksikan 30 peserta mengambil bahagian, iaitu masing-masing 14 qari dan 14 qariah serta dua johan pada edisi sebelumnya.

Johan qari dan qariah akan menerima sebuah PROTON Preve (1.6 CVT Executive) sumbangan Tabung Haji manakala wang tunai RM30,000, piala pusingan dan iringan, sijil penyertaan serta paket ibadat haji.

Naib johan akan menerima wang tunai RM20,000 berserta piala iringan cenderamata dan sijil penyertaan dan tempat ketiga menerima wang tunai RM10,000 cenderamata dan sijil penyertaan.

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | 10 peserta perdengar bacaan |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian               | Color       | Full Color          |
| Date       | 15 May 2014                 | Circulation | 314,000             |
| Section    | Nasional                    | Readership  | 942,000             |
| Page No    | 12                          | ArticleSize | 326 cm <sup>2</sup> |
| Language   | Malay                       | AdValue     | RM 11,238           |
| Journalist | Syazwan Msar                | PR Value    | RM 33,713           |
| Frequency  | Daily                       |             |                     |



Mohd Mawardi Jamaludin



Hidayah Abd Rahman



Ahmad Naeim Mohd



Anuar Hasin



Abdullah Fahmi Che Nor



Nor Afifah Abd Rahman